



KOPERASI SAHABAT AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (KOOP SAHABAT) BERHAD

## **NOTIS PRIVASI**

### **1. PENGENALAN**

Sebagai pematuhan kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“Akta”) dan peraturannya, notis ini dikeluarkan kepada semua pelanggan dan/atau bakal pelanggan kami. Notis ini bertujuan memaklumkan hak anda berhubung data peribadi anda yang telah dan/atau akan dikumpul serta diproses oleh kami.

### **2. PENGUMPULAN DATA PERIBADI**

Kami telah mengumpul dan akan mengumpul data peribadi anda untuk diproses oleh kami dan/atau bagi pihak anda sepanjang urusan anda yang sedang berjalan atau yang bakal dijalankan dengan Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (Koop Sahabat) Berhad serta anak syarikatnya. Data peribadi anda membolehkan kami mencapai tujuan yang berkaitan dengan perniagaan kami.

### **3. PENERANGAN DATA PERIBADI**

- a) Nama;
- b) No Kad Pengenalan;
- c) Jantina;
- d) Alamat e-mel;
- e) No telefon bimbit;
- f) No passport;
- g) Alamat protokol internet (IP) - nombor unik yang diberikan kepada peranti yang anda gunakan untuk mengakses produk dan/atau perkhidmatan kami;
- h) Gambar (bergambar/rakaman)
- i) Data peribadi sensitif; dan
- j) Maklumat Peribadi Boleh dikenal Pasti (PII) yang didefinisikan oleh undang-undang atau piawaian privasi antarabangsa. - maklumat yang boleh digunakan secara bersendirian atau bersama maklumat lain untuk mengenal pasti, menghubungi, atau mengesan individu tertentu.



KOPERASI SAHABAT AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (KOOP SAHABAT) BERHAD

**4. TUJUAN PENGUMPULAN DATA PERIBADI**

Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (Koop Sahabat) Berhad mungkin memperoleh data peribadi pelanggan dari sumber berikut termasuk tetapi tidak terhad kepada;

- a) Untuk menyediakan produk dan perkhidmatan
- b) Langganan berita atau item promosi.
- c) Rekod dalaman dan pemasaran.
- d) Mematuhi undang-undang.
- e) Komunikasi.

**5. KEPADA SIAPA DATA ANDA DIKONGSI?**

Dengan mematuhi kewajipan undang-undang dan peraturan:

- a) Di dalam Kumpulan Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (Koop Sahabat) Berhad.
- b) Agensi penguatkuasaan undang-undang dan badan pengawalseliaan apabila diwajibkan
- c) Apabila perlu bagi melindungi kepentingan anda dan mendapatkan keizinan sebelum itu tidak praktikal.
- d) Pihak ketiga yang mempunyai kontrak untuk menyediakan perkhidmatan tertentu, yang dikehendaki mematuhi piawaian privasi yang sama.
- e) Pihak yang kami telah memperolehi persetujuan anda untuk berkongsi.

Kami mungkin berkongsi data dalam Kumpulan Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (Koop Sahabat) Berhad dan rakan strategik tertentu bagi memperkenalkan produk dan perkhidmatan yang kami percaya bermanfaat kepada anda, namun kami tidak akan menghubungi anda untuk tujuan pemasaran tanpa persetujuan anda terlebih dahulu.

Kami juga memberi jaminan bahawa kami tidak akan menjual data peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga.



KOPERASI SAHABAT AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (KOOP SAHABAT) BERHAD

6. SUMBER DATA PERIBADI

- a) Maklumat yang diperoleh terus daripada subjek data melalui pelbagai cara seperti kempen, borang, kad perniagaan, pembelian produk dan perkhidmatan.
- b) Maklumat dikumpul secara automatik semasa menggunakan laman sesawang melalui *cookies* dan teknologi lain.
- c) Maklumat dari sumber sah lain seperti pangkalan data dan pihak ketiga.
- d) Biometrik, jejak digital, geolokasi, imej video dan rakaman suara sepanjang interaksi anda dengan kami, secara fizikal atau melalui saluran digital.

7. PENDEDAHAN DATA PERIBADI

Data peribadi pelanggan boleh didedahkan kepada anak syarikat dalam kumpulan kami yang akan mengendalikan data itu secara sulit, mengikut Polisi Privasi ini dan undang-undang Perlindungan Data Peribadi yang berkenaan serta hanya untuk tujuan yang dinyatakan. Kami bertanggungjawab ke atas data peribadi di bawah kawalan kami termasuk data yang didedahkan kepada Vendor (“pemproses data”). Kami mengambil langkah menjaga tahap perlindungan yang setanding walaupun ketika diproses oleh Vendor.

8. KESELAMATAN DATA PERIBADI

Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (Koop Sahabat) Berhad mengamalkan prosedur dan ciri keselamatan yang ketat untuk menghalang akses tanpa kebenaran. Data peribadi yang dihantar melalui laman web atau aplikasi kami, termasuk transaksi kredit kad atas talian, dilindungi menggunakan penyulitan seperti *Transport Layer Security (TLS)* iaitu protokol keselamatan yang menyediakan privasi dan integriti data untuk komunikasi melalui internet. Kami menggunakan sistem komputer dengan akses terhad yang ditempatkan dalam kemudahan yang menggunakan langkah keselamatan fizikal. Data yang disimpan dalam perkhidmatan awan adalah dalam bentuk tersulit (digubah menjadi kod) termasuk apabila kami menggunakan storan pihak ketiga. Data peribadi bukan elektronik juga dikawal dengan prosedur ketat.

9. PENGGUNAAN *COOKIES*

*Cookies* yang digunakan di laman web hanya dikaitkan dengan pengguna tanpa nama dan komputer mereka dan tidak mengandungi data peribadi. *Cookies* adalah fail data kecil dihantar oleh laman sesawang dan disimpan dalam peranti pengguna untuk merekodkan aktiviti pelayaran. Sesetengah *cookies* digunakan oleh pihak ketiga untuk memberi data tentang keberkesanan promosi kami.



KOPERASI SAHABAT AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (KOOP SAHABAT) BERHAD

*Cookies* hanya bersifat sementara untuk meningkatkan kecekapan penghantaran. Pengguna boleh tetapkan pelayar supaya memberitahu tentang *cookies* dan menghalang pemasangannya.

#### 10. PEMINDAHAN DATA PERIBADI

Kami komited memastikan tahap perlindungan setanding untuk data peribadi jika diproses atau digunakan di luar Malaysia oleh vendor atau pakar kami.

#### 11. TUJUAN PEMASARAN DAN PROMOSI

Dengan melanggan perkhidmatan kami, anda akan menerima e-mel dan/atau panggilan pemasaran termasuk promosi bulanan dan makluman acara akan datang. Jika anda tidak mahu menerima sebarang berita atau panggilan promosi, sila klik pautan "*unsubscribe*" di bahagian bawah e-mel untuk berhenti melanggan.

#### 12. KEWAJIPAN SUBJEK DATA

Adalah penting bagi Koop Sahabat untuk mengumpul dan menyimpan data peribadi pelanggan dengan tepat. Kegagalan menyediakan data peribadi bermakna kami tidak dapat memproses data bagi pihak anda untuk tujuan di atas atau memberikan perkhidmatan secara efektif, dan hubungan dengan kami akan terbatal serta-merta.

#### 13. HAK SUBJEK DATA

a) Akses kepada data peribadi

Memohon akses kepada data peribadi dengan notis munasabah melalui borang Permohonan Akses Data dalam talian atau secara hadir ke premis kami.

b) Pembetulan dan/atau kemaskini data peribadi

Memohon pembetulan dan/atau kemaskini data peribadi yang tidak tepat, tidak lengkap, ataupun lapuk melalui borang Permohonan Pembetulan Data atas talian atau hadir terus ke premis kami.

c) Menghadkan pemprosesan data peribadi

Hadkan pemprosesan data dengan menarik balik kebenaran yang diberikan sebelumnya, termasuk untuk pemasaran langsung tertakluk kepada sekatan undang-undang, kontrak dan tempoh munasabah.



KOPERASI SAHABAT AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (KOOP SAHABAT) BERHAD

#### 14. PERUBAHAN POLISI PRIVASI

Kami berhak untuk mengubahsuai Polisi Privasi ini dari semasa ke semasa tanpa notis terlebih dahulu. Sila kunjungi laman web kami secara berkala untuk meneliti Polisi Privasi terkini, [www.koopsahabat.my](http://www.koopsahabat.my)

#### 15. PENGESAHAN DAN PERSETUJUAN

Dengan berkomunikasi, berurusan atau menggunakan produk dan perkhidmatan Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (Koop Sahabat) Berhad, anda mengesahkan bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju kepada penggunaan, pemprosesan, pendedahan dan pemindahan data peribadi anda oleh Koop Sahabat seperti yang dinyatakan dalam Notis ini. Anda juga boleh menarik balik persetujuan dengan notis bertulis atau mengisi borang di laman web.

*Sila tandakan jika berkenaan:*

*Menerima komunikasi berkaitan pemasaran dan promosi*

#### 16. MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Anda boleh hubungi kami di:

- a) Emel: [info@koopsahabat.my](mailto:info@koopsahabat.my)
- b) Alamat Pejabat:

Ibu Pejabat Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (Koop Sahabat) Berhad, Suite G-6, Jalan Cempaka SD12/1A, Jalan PJU 9, Bandar Sri Damansara, 52200 Kuala Lumpur, W.P Kuala Lumpur.

----- Notis Privasi Tamat -----